

Serum PM kepada doktor-doktor

Seimbangkan khidmat perubatan di bandar, kampung

17 Ogos 1991
SUBANG JAYA 16 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta doktor-doktor perubatan supaya mewujudkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Beliau berkata, usaha ini hanya dapat dicapai jika doktor-doktor perubatan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing dari semasa ke semasa khususnya dalam Perkhidmatan Rawatan Utama (Primary Medical Care).

Dalam jangka panjang tambahnya, adalah wajar sekiranya aspek aspek peningkatan dan pencegahan diimbang dengan aspek-aspek perawatan dan pemulihan.

"Dalam masa yang sama kita perlu peka dan cekap meramalkan situasi yang mungkin timbul menjelang tahun 2020 supaya perancangan dan tindakan awal dapat dilakukan untuk mengawal keadaan pada masa itu," kata Perdana Menteri semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-18 Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia di Holiday Villa di sini.

Beliau menambah, kerajaan sentiasa menggalakkan supaya pengamal-pengamal perubatan am akan terus memainkan peranan penting di kawasan bandar dan luar bandar bagi membolehkan kemudahan rawatan utama terus berkembang di negara ini.

Golongan pengamal perubatan am ini katanya, masih merupakan doktor perubatan yang pertama dikunjungi oleh pesakit-pesakit dan mereka memberi perkhidmatan kepada semua golongan termasuk bayi dan orang dewasa.

Oleh itu tambah Dato' Sri Dr. Mahathir, usaha - usaha untuk memperbaiki perkhidmatan rawatan utama melalui kursus "sarjana perubatan" atau Iebih dikenali sebagai perubatan keluarga sentiasa digalakkan oleh kerajaan.

Beliau menjelaskan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini sama ada dalam sektor swasta atau awam akan terus dirancang selaras dengan dasar-dasar sosio ekonomi negara.

"Walaupun begitu, segala perancangan perlu dibuat secara

fleksibel supaya dapat disesuaikan dengan keadaan dan masalah yang berubah-ubah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, untuk menghasilkan perancangan dan program yang baik, mereka yang terlibat perlu bersikap inovatif dan sentiasa mencari cara - cara baru dalam memajukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, doktor - doktor hendaklah sedar tentang kos perubatan yang sentiasa meningkat kerana ubat yang paling mahal tidak semestinya merupakan yang terbaik.

Beliau mengingatkan bahawa menjelang tahun 2020 Malaysia yang dijangka mencapai taraf negara maju akan menghadapi banyak masalah seperti yang dihadapi oleh negara-negara maju jika langkah-langkah awal bagi mencegahnya tidak ditumpukan.

Oleh itu katanya, perubatan keluarga memainkan peranan yang besar dalam mengekalkan sistem - sistem seperti kekeluargaan dan pegangan kepada nilai - nilai yang menolak penyalahgunaan dadah, tabiat minum arak, merokok dan kehancuran institusi keluarga.

Menurutnya, kursus perubatan keluarga yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia sentiasa disanjung oleh kerajaan.

"Ini merupakan satu lagi usaha positif ke arah mewujudkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang seimbang antara kawasan bandar, luar bandar dan klinik - klinik swasta," ujarnya.

Beliau percaya kursus sedemikian akan mewujudkan doktor-doktor dan juga kemahiran klinikal dengan pengurusan.

"Ini penting kerana ia membolehkan pengurusan sumber yang berkesan dan menjimatkan kos perawatan, di samping menjamin mutu perkhidmatan kepada para pesakit," ujarnya.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Dato' Lee Kim Sai dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai.